

# SOALAN-SOALAN LAZIM (SSL)

## PROGRAM BANTUAN KEWANGAN - (PAKEJ MORATORIUM)

1



Apakah pakej moratorium untuk pembayaran pembiayaan / pinjaman?

Ia adalah penangguhan **sementara** atau penggantungan kewajiban pembayaran / pinjaman (prinsipal) sementara untuk jangka waktu yang terhad. Sepanjang tempoh ini, pelanggan yang mempunyai pembiayaan / pinjaman yang memenuhi syarat tidak perlu membayar apa-apa pembayaran dan tidak dikenakan caj ta'widh / pembayaran lewat atau penalti.

Keuntungan / faedah akan terus terakru pada pembayaran pembiayaan / pinjaman yang ditangguhkan dan pelanggan perlu menghormati pembayaran tertunda pada masa hadapan. Pembayaran pembiayaan / pinjaman diteruskan selepas tempoh penangguhan.

2



Apakah kriteria kelayakan moratorium?

Bagi Individu serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penangguhan bayaran pembiayaan adalah secara automatik sekiranya pembiayaan memenuhi kriteria ini:

- pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020; dan
- pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia.

Pelanggan korporat boleh memohon moratorium pembayaran pembiayaan dengan menghubungi pegawai-pegawai akaun yang berkenaan.

3



Bolehkah saya menangguhkan pembayaran lebih dari 6 bulan?

Jika anda memerlukan bantuan, sila e-mel ke [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com) sebelum 31 Julai 2020.

4



Sekiranya saya memilih penangguhan ini, adakah rekod CCRIS saya akan terjejas?

Tidak. Ia akan kekal tidak berubah mengikut status pada Mac 2020.

5



Adakah saya perlu membuat permohonan?

Tidak. Semua individu dan pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang memenuhi kriteria layak secara automatik.

# SSL PROGRAM BANTUAN KEWANGAN – (PAKEJ MORATORIUM)

---

6



Saya mempunyai pembayaran ingkar. Adakah saya layak?

Akaun pembiayaan yang mempunyai tunggakan melebihi 90 hari tidak layak untuk menyertai penangguhan ini. Pelanggan boleh menghantar e-mel ke [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com) untuk maklumat lanjut.

7



Apa perlu saya lakukan jika saya tidak layak menyertai moratorium ini?

Sila e-mel kepada [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com), kami akan merujuk kes anda kepada AKPK atau memohon penjadualan semula pembiayaan anda.

8



Adakah pembiayaan di bawah penjadualan semula dan penstrukturan semula (R & R) atau program AKPK layak untuk pakej moratorium?

Pembiayaan di bawah program R & R atau AKPK juga layak untuk moratorium jika;

- Pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020; dan
- Pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia

9



Bagaimanakah boleh saya tahu jika pembiayaan saya layak untuk dalam pakej moratorium?

Sekiranya anda layak, sila pastikan anda didaftarkan secara automatik.

Tertakluk kepada pembiayaan memenuhi kriteria berikut:

- tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020; dan
- dalam denominasi Ringgit Malaysia

# SSL PROGRAM BANTUAN KEWANGAN – (PAKEJ MORATORIUM)

---

10



Saya mahu meneruskan pembayaran pembiayaan saya. Bagaimanakah saya boleh memilih untuk tidak turut serta untuk moratorium automatik?

Sila hubungi kami melalui e-mel kepada [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com) atau [ecu.careline@mbsbbank.com](mailto:ecu.careline@mbsbbank.com) sebelum 15 April 2020.

Sila muat turun Borang Moratorium Automatik dengan mengklik pada pautan ini: <https://www.mbsbbank.com/storage/misc/Opt-out moratorium BM.doc>

11



Adakah saya akan dikenakan keuntungan tambahan ke atas jumlah bayaran yang ditangguhkan dalam tempoh 6 bulan tersebut?

Untuk pinjaman konvensional, faedah akan terakru untuk bayaran bulanan pembiayaan yang ditangguhkan akan ditambah kepada jumlah baki pinjaman.

12



Apa yang akan berlaku atas pembayaran pembiayaan saya selepas tempoh pakej moratorium?

Bagaimana pakej moratorium memberi kesan kepada pembayaran keuntungan saya selepas tempoh 6 bulan? Adakah terdapat peningkatan bayaran bulanan, atau tempoh yang lebih lama?

Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi kami sebelum **31 Julai 2020** melalui e-mel kepada [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com), sebelum tempoh moratorium luput untuk merancang pelan yang sesuai bagi membayar prinsipal dan keuntungan terakru semasa tempoh moratorium. Ini mungkin termasuk amaun bayaran / ansuran berikutnya yang lebih tinggi atau lanjutan tempoh pinjaman / pembiayaan.

Keuntungan akan terakru kepada pembayaran pembiayaan yang ditangguhkan. Ini bermakna amaun bayaran yang terkumpul semasa penangguhan tempoh pembayaran akan ditambah kepada jumlah baki pembiayaan.

# SSL PROGRAM BANTUAN KEWANGAN – (PAKEJ MORATORIUM)

---

13



Adakah pembiayaan yang baru diluluskan / dibiayai termasuk dalam pakej moratorium?

Ya, layak untuk semua pembiayaan yang masih mempunyai jumlah baki pembiayaan pada 1 April 2020.

Untuk pembiayaan baru yang diluluskan atau dikeluarkan selepas 1 April 2020, moratorium itu tidak akan automatik dan tertakluk kepada penilaian dan kelulusan MBSB Bank.

14



Saya mempunyai pembiayaan yang ditolak secara automatik dari gaji saya. Adakah saya layak untuk moratorium?

Ya. Ini termasuk Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), Jabatan Akauntan Negara (JANM) dan potongan gaji melalui Majikan.

15



Bagaimana jika saya mempunyai arahan tetap untuk pembayaran pembiayaan saya?

Arahan Tetap dengan MBSB Bank akan dihentikan. Sekiranya Arahan Tetap dengan bank lain, pelanggan perlu menghubungi bank tersebut dengan sendiri.

16



Adakah kematangan pembiayaan saya akan berubah, dengan moratorium ini?

Ya, ia akan dilanjutkan sehingga 6 bulan.

# SSL PROGRAM BANTUAN KEWANGAN – (PAKEJ MORATORIUM)

## 17



Adakan bayaran bulanan saya akan meningkat selepas moratorium?

Bayaran bulanan adalah sama untuk pembiayaan kadar tetap.

Contoh pembayaran Pembiayaan Hartanah/Perumahan/Pembiayaan Peribadi/Pembiayaan Kenderaan adalah seperti berikut:

Bayaran Bulanan sebelum Moratorium	Tarikh Matang sebelum Moratorium	Bayaran Bulanan selepas Moratorium	Tarikh Matang selepas Moratorium
RM1,000.00	1/4/2021	RM1,000.00	1/10/2021

Untuk pembiayaan dengan kadar berubah;

Contoh pembayaran Pembiayaan Hartanah/Perumahan/Pembiayaan Peribadi/Pembiayaan Kenderaan seperti berikut:

Bayaran Bulanan sebelum Moratorium	Tarikh Matang sebelum Moratorium	Bayaran Bulanan selepas Moratorium	Tarikh Matang selepas Moratorium
RM1,000.00	1/4/2021	RM1,000.00*	1/10/2021

\*Bayaran bulanan tidak berubah melainkan jika ada perubahan pada Kadar Asas/Kadar Pembiayaan Asas/Kadar Pinjaman Asas

Walau bagaimanapun, anda mungkin perlu menjelaskan bayaran akhir yang lebih tinggi pada tempoh matang kesan daripada 6 bulan moratorium.

Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi kami sebelum 31 Julai 2020 melalui e-mel kepada [enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com), sebelum tempoh moratorium luput untuk merancang pelan yang sesuai bagi membayar prinsipal dan keuntungan terakru semasa tempoh moratorium.

## 18



Adakan moratorium diperluaskan kepada pembiayaan di bawah pembebasan progresif?

Ya, termasuk pembiayaan di bawah pengeluaran progresif.

# SSL PROGRAM BANTUAN KEWANGAN – (PAKEJ MORATORIUM)

---

19



Bayaran seterusnya pada bulan Oktober 2020.

Bilakah saya perlu menjelaskan bayaran bulanan semula?

---

20



Bayaran akan disenaraikan sebagai bayaran pendahuluan.

Apakah yang akan terjadi pada bayaran yang telah saya jelaskan pada bulan April?

---

\*Untuk tujuan soalan lazim ini, sila rujuk definisi di bawah

1. Untuk terma berkenaan akaun dan pinjaman konvensional, ia akan merujuk kepada akaun konvensional yang dipegang oleh Malaysia Building Society Berhad (No. Pendaftaran: 197001001000172/9417-K) dan;
2. Untuk terma berkenaan akaun shariah atau patuh shariah, ia akan merujuk kepada akaun yang dipegang oleh MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200501033981 (716122-P)).